



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
50604 Kuala Lumpur

Tel : 03 6204 6000
Fax : 03 6204 6801
Portal : jpwpkl.moe.gov.my

Ruj. Tuan : -
Ruj. Kami : JPWPKL 600 - 3/5/5 (39)
Tarikh : 17 Mac 2021

**Pengetua/Guru Besar
SMK/SK/SJKC/SJKT
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

YBhg. Datin/Tuan/Puan,

PERTANDINGAN LET'S CODE 2021

Dengan sukacitanya perkara di atas dan surat dari Roboshop Technologies Sdn. Bhd. no. rujukan SRT0012/01/01 bertarikh 17 Mac 2021 dan Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Keseniaan (BSKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) no. rujukan KPM.600-12/1/4 Jld. 18 (100) bertarikh 10 Mac 2021 dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa *Roboshop Technologies*, Kolej Komuniti Paya Besar dan Kolej Komuniti Temerloh, Pahang akan menganjurkan pertandingan tersebut untuk mendedahkan murid-murid kepada pendekatan pembelajaran STEM melalui pengenalan kepada kemahiran pembangunan robotik dan pengaturcaraan, di samping menerapkan kemahiran pembelajaran STEM di kalangan murid melalui aktiviti-aktiviti pembangunan kemahiran penyelesaian masalah menggunakan teknologi robotik dan pengaturcaraan.

3. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Datin/tuan/puan, dimohon bagi **menggalakkan murid-murid** dari sekolah YBhg. Datin/tuan/puan untuk menyertai pertandingan tersebut yang akan diadakan secara dalam talian mengikut ketetapan berikut.

Tarikh : **4 September 2021**

Platform : **Zoom**

Pendaftaran : **<https://roboshoptechnologies.onpay.my/order/form/regcompetition>**

Tarikh tutup pendaftaran : **18 April 2021 jam 5.00 petang**

4. Bersama-sama ini disertakan surat berkenaan yang jelas menerangkan maksudnya untuk makluman dan tindakan YBhg. Datin/tuan/puan. Kos penyertaan adalah ditanggung oleh sekolah/murid. Maklumat lanjut berkaitan pertandingan boleh didapati dengan melayari laman sesawang **<https://batbot.tech/lets-code-2021/>**.

...2/

JPWPKL 600 - 3/5/5 (39)

5. Sila hubungi **Puan Shaerfatwa Intannadwah binti Mohd. Salim (Roboshop Technologies)** melalui talian **016-3053106** atau **Cik Norleen binti Kamardin** melalui talian **03-62046856** untuk sebarang pertanyaan.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINAL BIN ABAS)

Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

- s.k.
- i. Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah Bangsar & Pudu
 - ii. Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah Keramat
 - iii. Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah Sentul

NK/RTSB2021